

Generasi baru juga perlu meneruskan kesinambungan warisan ilmu yang ditinggalkan oleh generasi ulama terdahulu dengan memperbaiki kelemahan-kelemahan mereka dan meneruskan usaha-usaha tersebut di dalam penulisan kitab-kitab dan penyelidikan pendidikan serta sumbangan ke arah mewujudkan masyarakat berilmu dan berakhlak.

Usaha-usaha perlu dilakukan dengan bersungguh-sungguh untuk mencari titik-titik persamaan dan perbezaan di antara aliran-aliran pemikiran akidah yang dianuti oleh umat Islam di dalam memahami akidah agar tidak timbul sebarang perselisihan yang akan membawa perpecahan di kalangan mereka.

Justeru, kefahaman yang mendalam terhadap asas-asas utama Islam hendaklah ditanam di dalam kehidupan masyarakat Islam agar mereka dapat memahami tuntutan-tuntutan akidah Islam dengan jelas tanpa ragu-ragu lagi.

Generasi baru hendaklah diberi pendedahan yang sewajarnya daripada semua pihak terhadap usaha-usaha yang dilakukan oleh ulama-ulama silam untuk melahirkan perasaan cinta dan minat untuk meneroka khazanah peninggalan generasi ulama terdahulu.

Ketokohnya dapat dilihat dengan jelas dengan terhasilnya karya-karya penulisannya yang menjadi rujukan ulama silam bahkan sampai ke hari ini di Nusantara seperti *Kasyf al-Ghaibah*, *Irsyād al-'Ibād*, *Tabassam al-Syāribīn* dan Fidyah Sembahyang dan Puasa.

Syeikh Zain al-'Ābidīn al-Faṭānī telah menghuraikan persoalan akidah di dalam kitabnya *'Aqīdah al-Najān* mengikut aliran *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* sebagaimana pegangan Imam Abū Ḥasan al-Asy'arī dan Abū Manṣūr al-Māturīdī.

Beliau menggunakan istilah ilmu Tauhid dan ilmu Kalam di dalam memperkenalkan pengajian akidah di dalam kitabnya. Dalil-dalil akal digunakan dengan meluasnya sebagai *mengithbatkan* beberapa persoalan akidah yang dibincangkan terutamanya persolan berkaitan dengan sifat-sifat Allah s.w.t dengan di sokong oleh dalil-dalil daripada al-Quran dan hadith. Manhaj beliau adalah berdasarkan kepada manhaj *Khalaf*.

Berdasarkan penggunaan istilah ilmu Kalam, hujah-hujah akal digunakan dengan meluasnya dengan merujuk pendapat-pendapat tokoh ulama Kalam membuktikan aliran yang dibawa oleh pengarang adalah aliran *Khalaf* yang banyak menggunakan akal sebagai pendekatan mereka di dalam perbincangan persoalan akidah.

Ini dapat dilihat dengan jelas apabila pengarang merujuk pendapatnya kepada beberapa tokoh ulama *Khalaf* yang lain seperti Syeikh Ibrahim al-Laḳānī, Syeikh Suḥaimī, Syeikh Tilmisānī, Syeikh Ibn Yūsuf al-Sanūsī dan Imam al-Asy'arī sendiri.

Di samping itu, kitab *'Aqīdah al-Nājīn* merupakan terjemahan dan *syarah* kepada kitab karangan Ibn Yūsuf al-Sanūsī iaitu *Umm al-Barāhīn* yang terkenal sebagai seorang ulama Kalam. Di awal perbincangan kitab, pengarang mengikut langkah Ibn Yūsuf al-Sanūsī dengan menghuraikan tentang hukum Akal dan pembahagiannya telah menunjukkan kecenderungannya ke arah tersebut.

Namun begitu, dalil-dalil *al-Naqliyah* ( al-Quran dan hadith) tetap menjadi asas di dalam penghujahan mereka seiringan dengan akal. Penggunaan al-Quran dan hadith juga digunakan dengan meluas terutamanya di dalam perbincangan persoalan-persoalan yang berkaitan dengan ayat-ayat *al-Mutasyābihāt* dengan *menta`wilkannya*. Begitu juga perkara-perkara yang berkaitan dengan *sam'iyāt* seperti azab kubur, kiamat, mahsyar, syurga dan neraka.

Berkenaan masalah penggunaan hadith di dalam kitab ini, kebanyakannya adalah sahih dan kuat sebagai hujah kerana kebanyakannya bersumberkan riwayat yang *thiqah* seperti Imam al-Bukhārī, Muslim dan imam-imam lain *Sunan Tis'ah* serta ulama-ulama Hadith yang terkenal dengan *kethiqahannya*.

Daripada sejumlah hadith yang dikumpulkan sebahagiannya adalah menyentuh persoalan akidah secara langsung. Kebanyakan hadith-hadith yang diriwayatkan di dalam Bahasa Arab sebagai nasnya yang asal, adalah sahih dan boleh diterima.

Namun begitu, terdapat juga sebilangan kecil hadith yang *da'if* (lemah) berdasarkan kepada kedudukan sanadnya yang tidak bersambung (gugur) dan perawinya yang tidak *thiqah*.

Di dalam beberapa keadaan tertentu, terdapat kesalahan di dalam periwayatan hadith daripada sumbernya yang asal dengan menggunakan lafaz-lafaz yang berlainan dan membawa pengertian yang berbeza dari sudut penggunaan dan pengertian Bahasa Arab.

Di samping itu, beberapa hadith tidak dapat dikesan dari dalam sumber-sumber *tahrīj* yang masyhur seperti *Mu'jam al-Mufahras li al-Alfāz al-Ḥadīth*, *Kitab-kitab al-Aṭrāf* dan *al-Masānīd*, *Kanz al-'Ummāl*, kitab-kitab hadith yang masyhur dan *CD Hadith Copyright SAKHR Software Co. 1995*.

Manakala hadith-hadith yang dibawa oleh pengarang secara *mafhum* dan pengertiannya sahaja, amat sukar untuk mencari nas-nasnya yang asal. Oleh sebab itu sumbernya juga tidak dapat dipastikan dengan jelas. Ini adalah disebabkan pengarang tidak menyatakan nama sahabat yang meriwayatkan hadith daripada

Rasulullah s.a.w. malah meriwayatkan terus maksud lafaz (*mafhum*) hadith tersebut dan ia tidak juga menyatakan imam yang mengeluarkan hadith tersebut. Kadang-kadang beliau juga menggunakan metod penceritaan sebagai menerangkan maksud hadith tersebut.

Akibatnya ia sukar dikesan dan tidak dapat dipastikan sumber pengambilannya serta kedudukan hukumnya sama ada boleh diterima ataupun sebaliknya. Oleh itu, di dalam persoalan ini, hadith-hadith tersebut tidak dinyatakan sumber-sumber dan kedudukannya secara tepat. Namum begitu terdapat juga hadith-hadith yang dapat dijelaskan kedudukannya dengan jelas dan tepat.

Sepanjang pengamatan penulis, mendapati pengarang mengambil hadith-hadith tersebut dengan merujuk kepada sumber-sumber karangan ulama silam seperti kitab *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn* karangan Imam al-Ghazali dan Syarahnya *Iḥāf Sādah al-Muttaqīn*.

Ini dapat dilihat dengan jelas apabila beberapa kitab *takhrij* terutamanya kitab *al-Mausū'ah Aṭraf al-Ḥadīth*, kitab *Kanz al-'Ummāl* dan *Tuhfah al-Asyrāf bi Ma'rifah al-Aṭraf* menyatakan sumber-sumbernya kebanyakannya boleh diperolehi daripada kitab-kitab tersebut.

Hadith-hadith yang diutarakan di dalam kitab ini, adalah selari dengan akal. Dengan sebab itu pengarang memberikan pendapatnya berdasarkan al-Quran dan hadith di dalam menghuraikan persoalan yang dibincangkan dengan terperinci.

Di akhir kitab, pengarang juga menyentuh beberapa hadith berkaitan dengan persoalan tasawwuf sebagai pelengkap kepada ilmu akidah. Hal ini amat bersesuaian dengan kedudukannya sebagai seorang ulama yang mengamalkan amalan *tareqat* tasawwuf di dalam hidupnya.

## ii. Saranan

Setelah melaksanakan kajian yang dijalankan, penulis mengemukakan beberapa saranan untuk dikongsi bersama.

Kajian terhadap penggunaan hadith-hadith di dalam kitab-kitab karangan ulama Nusantara hendaklah dilakukan bagi memastikan kesahihannya sebagai hujah yang boleh diterima pakai. Melalui kaedah *takhrīj* hadith, hasrat ini dapat direalisasikan. Ia juga sebagai latihan kepada para pelajar untuk membentuk kemahirannya di dalam *takhrīj* hadith bagi mengkaji kedudukan hadith-hadith di dalam kitab-kitab karangan ulama-ulama silam.

Di samping itu, kajian perlu dibuat untuk mengkaji metodologi ulama-ulama dahulu terutamanya di Nusantara di dalam kitab-kitab karangan mereka. Dengan itu ketokohan mereka di dalam sesuatu bidang dapat ditonjolkan kepada umum sebagai contoh yang perlu ditauladani oleh semua lapisan masyarakat.

Dengan kajian terhadap kitab-kitab karangan mereka, diharapkan agar dapat memberikan nafas baru kepada kitab-kitab lama yang dikenali sebagai *Kitab Kuning* di dalam menghadapi arus perubahan zaman dengan memperbaiki kualiti isi kandungannya dan pengolahan bahasanya agar sesuai dan selaras dengan tuntutan semasa.

Seterusnya, kajian-kajian terhadap sistem pengajian akidah di kalangan masyarakat Melayu hendaklah sentiasa dilakukan bagi memastikan keberkesananannya sesuai dengan *trend* dan status masyarakat yang sentiasa berubah-ubah mengikut peredaran masa dan keadaan persekitaran. Ini adalah bertujuan untuk mengukuhkan lagi kefahaman mereka terhadap persoalan akidah dan memantapkan lagi tunjang akidah mereka.

Kajian terhadap kaedah-kaedah baru untuk memantapkan akidah ummah hendaklah dilakukan dengan menggunakan kekuatan sumber-sumber asas Islam iaitu al-Quran dan *al-Hadīth* seperti yang berlaku di zaman para sahabat dan *salaf al-Ṣāleḥ*. Ia dapat direalisasikan dengan mengadakan kursus-kursus seperti seminar dan simposium.

## PENUTUP

### i. Kesimpulan Daripada Perbincangan di Dalam Semua Bab

Berdasarkan kepada penyelidikan dan kajian yang telah dijalankan terhadap kajian kitab *'Aqīdah al-Najāh* dengan menfokuskan perbincangan tentang kedudukan hadith-hadith akidah di dalam persoalan ketuhanan, kenabian dan *sam'iyāt*, beberapa kesimpulan berjaya dirumuskan.

Hasil daripada kajian ini telah menjelaskan tentang ketokohan Syeikh Zain al-'Ābidīn al-Faṭānī sebagai tokoh agama yang agung di Nusantara. Beliau mempunyai pergaulan yang luas dan mempunyai ramai kenalan di kalangan para ulama sama ada berketurunan Melayu mahupun berbangsa Arab.

Penglibatannya di dalam masyarakat tidak dapat dinafikan lagi, sekembalinya dari Mekah beliau mengajar di pondoknya dan mentarbiyah masyarakat di Patani. Hasilnya beliau berjaya melahirkan tokoh-tokoh ulama yang terkenal dibawah bimbingannya yang terdiri daripada muridnya dan keturunannya sendiri seperti Syeikh Muḥamad Saḥēḥ bin Zain al-'Ābidīn al-Faṭānī, Syeikh 'Umar bin Zain al-'Ābidīn al-Faṭānī dan sebagainya.